

19 JUN 2003

Mahathir-Sikap

DR MAHATHIR MINTA RAKYAT JANGAN MENGADA-GADA

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Sejajar dengan iltizamnya yang tidak kenal jemu untuk memartabatkan bangsa Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta mereka mengubah sikap mengada-gada, berlagak seperti orang kaya dan terlalu bergantung kepada kerajaan.

Perdana Menteri berkata perubahan sikap itu penting kerana pembentukan dasar dan strategi bagi pengurusan ekonomi dan kewangan negara memerlukan kefahaman dan kerjasama semua rakyat.

Rakyat tidak boleh mengada-gada dengan membuat tuntutan melampaui apa yang dituntut oleh rakyat negara maju, katanya ketika merasmikan Perhimpunan Agung Umno ke-54 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Beliau memberikan contoh bagaimana mengada-gadanya rakyat Malaysia yang 10 kali ganda lebih miskin daripada rakyat negara maju memprotes rancangan kerajaan untuk membina loji bakar sampah termoden dan terselamat berharga lebih RM1.5 bilion bagi mengatasi masalah pelupusan sampah yang kononnya akan mengeluarkan racun.

"Kita sudah menjadi begitu sombong sehingga tahap keselamatan yang diterima oleh orang yang 10 kali ganda lebih kaya daripada kita, belum cukup sesuai bagi kita," katanya.

Beliau berkata Malaysia sebagai negara membangun, belum kaya dan belum dapat mengamal standard yang sama tinggi dengan negara maju tetapi kini rakyatnya menuntut standard yang lebih tinggi daripada negara maju.

"Percayalah jika kita mengada-gada sangat, kita bukan akan lebih selamat dan sihat, sebaliknya kita akan terima padahnya," katanya.

Dr Mahathir menjelaskan bahawa kerajaan bercadang membina loji termoden dan terselamat itu jauh dari kawasan perumahan dan keselamatan penduduk terjamin kerana tidak akan ada debu atau dioxin yang akan mencemar udara.

Di Jepun, katanya, loji bakar sampah berteknologi biasa didirikan di tengah-tengah kawasan perumahan, tiada siapa yang memprotes dan penduduk menggunakan loji itu sebagai kawasan rekreasi, kelab renang dan aktiviti-aktiviti sosial.

Malah mereka membayar bayaran yang tinggi untuk loji bakar sampah mereka.

"Rakyat Malaysia tidak boleh berlagak sebagai orang yang sudah kaya sedangkan kita masih negara membangun," katanya.

Perdana Menteri berkata ada sesetengah rakyat yang menuntut untuk mendapatkan kemudahan kelas pertama tetapi sanggup membayar hanya untuk kelas ketiga.

"Jika kita mahu kelas pertama maka hendaklah kita sanggup bayar bayaran untuk kelas pertama," katanya.

Malaysia hanya mampu mengadakan kemudahan tertentu sahaja dan rakyat harus sanggup membayar lebih sedikit apabila kemudahan yang mereka gunakan lebih baik dan menelan belanja yang bertambah, jelas beliau.

Di bidang ekonomi, katanya, strategi negara ialah untuk hidup mengikut kemampuannya dengan tidak berhutang terlalu banyak dan mengurus pembangunan negara mengikut kewangan dan keperluan negara.

Pendekatan Malaysia ialah ingin menentukan bahawa sementara kosnya berdaya saing, taraf hidup rakyat tidak terlalu rendah, katanya.

Pendapatan per kapita rakyat negara ini sekarang lebih kurang USD4,000 tetapi dengan nilai itu mereka boleh beli barangan dan khidmat sebanyak hampir USD9,000 di negara ini.

Sebaliknya, pendapatan per kapita Luxembourg pula USD44,000 iaitu 11

kali ganda lebih daripada Malaysia tetapi daya beli hanyalah USD27,000 atau tiga kali ganda sahaja daripada daya beli Malaysia kerana kos sara hidup di Luxembourg lebih tinggi daripada di Amerika Syarikat.

Pendapatan per kapita rakyat negara ini meningkat dari USD300 kepada USD4,000 dalam tempoh 46 tahun merdeka dan kini lebih kaya dari masa belum merdeka dan lebih mampu bayar lebih untuk barangan dan khidmat yang lebih baik.

Upah di negara ini mungkin rendah berbanding dengan negara maju tetapi ia tidak menyebabkan taraf hidup rakyatnya menjadi terlalu rendah, kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata di tempat tertentu di negara ini, kemudahan awam adalah sama dengan yang terdapat di negara maju tetapi belanja yang dipikul oleh rakyat untuk menikmati kemudahan itu jauh lebih rendah daripada di negara maju.

Sebagai contoh, rakyat membayar tol RM7 untuk melalui Jambatan Pulau Pinang manakala rakyat Jepun membayar RM500 untuk menggunakan jambatan yang lebih pendek.

Kerajaan, katanya, ingin melihat purata upah di Malaysia dinaikkan lagi tetapi jika upah naik dan kos sara hidup naik bersama maka kenaikan upah tidak memberi apa-apa kelebihan kepada rakyat.

Kenaikan upah tanpa diimbangi dengan kenaikan daya pengeluaran akan menjadikan negara ini tidak kompetitif lagi, katanya,

Dengan itu, tidak akan ada pelaburan baru dan pelaburan sedia ada mungkin berpindah ke negara lain, peluang kerja akan berkurangan dan ramai akan menganggur dan akhirnya kenaikan upah tidak mungkin diadakan lagi kerana jumlah pekerja melebihi jumlah peluang kerja.

Perdana Menteri berkata ada pihak yang percaya kenaikan upah boleh didapati melalui tindakan perusahaan seperti yang dibuat di Eropah tetapi ekonomi semua negara Eropah tidak tumbuh seperti Malaysia dan pengangguran jauh lebih tinggi daripada negara ini.

"Kita perlu pendekatan dan strategi kita sendiri. Kita tidak perlu ikut cara-cara orang Eropah secara membuta tuli. Tetapi ada rakyat Malaysia yang berminat untuk mengikuti cara mereka dan orang yang sudah kaya. Mereka tidak mengambil kira tahap pembangunan negara dan kewangan kita. Mereka ingin kita boros belanja dan berhutang," katanya.

Beliau berkata jika kerajaan kerana ingin popular melayan segala tuntutan besar, kemungkinan Malaysia akan jadi seperti beberapa negara membangun yang tidak dapat membayar hutang luar, menjadi bankrap dan dikuasai oleh agensi antarabangsa.

Dr Mahathir juga menegur sikap orang Melayu dan Bumiputera yang sudah menjadi terlalu bergantung dan hanya berniaga dengan kerajaan sahaja.

"Tanpa kerajaan, tanpa DEB mereka akan lumpuh. Keadaan ini mengancam masa depan bangsa Melayu dan Bumiputera, bangsa Malaysia dan negara yang tercinta ini," katanya.

-- BERNAMA

JM JH RON